

06 JAN 2000

Mahathir-Raya

RUMAH TERBUKA HARI RAYA DR MAHATHIR DI PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di kediaman rasmi Perdana Menteri yang baru di Sri Perdana, Putrajaya pada hari raya pertama.

Waktu rumah terbuka itu ialah antara pukul 10 pagi dan 1 tengah hari dan dari pukul 3 petang hingga 6 petang, menurut Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Haji Zakaria Abdul Wahab ketika dihubungi hari ini.

Ini merupakan kali pertama Dr Mahathir mengadakan rumah terbuka di Putrajaya kerana selama ini beliau mengadakannya di kediaman rasmi yang terdahulu di Sri Perdana, di sini.

Zakaria berkata perkhidmatan bus secara percuma akan disediakan dari Pintu 2 di Putrajaya ke Sri Perdana semasa tempoh rumah terbuka itu.

Beliau menasihatkan pengunjung agar membawa payung berikutan musim hujan sekarang dan mematuhi arahan semasa mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri bagi mengucapkan Selamat Hari Raya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan majlis rumah terbuka pada Hari Raya pertama di Serambi Garden, Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Majlis itu akan berlangsung dari pukul 2.30 petang hingga 4 petang.

Abdullah akan turut mengadakan majlis yang serupa pada Hari Raya kedua di Kepala Batas, Pulau Pinang, dari pukul 11 pagi hingga 4 petang.

Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula akan mengadakan rumah terbuka pada Ahad ini di "Sri Kedah", No. 1, Lorong Titiwangsa 2, off Jalan Titiwangsa, di sini bermula pukul 10.45 pagi.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Suleiman Mohamed pula akan mengadakan rumah terbuka pada 15 Jan ini di kediamannya di 103, Jalan Ampang Hilir, di sini dari 10 pagi hingga 4 petang.

-- BERNAMA

RV AKD